

Praktis

2

Pentadbiran Negeri-Negeri Selat

2.1 Peluasan Kuasa British di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka

1 Lengkapkan maklumat berikut tentang latar belakang kawasan dalam peta di bawah sebelum peluasan kuasa Barat.

TP 1

(a)



Merupakan kawasan kekuasaan (i) _____.
Pelabuhan terawal yang dibuka di Pulau Pinang ialah
(ii) _____. Petempatan di kawasan tersebut
dibuka pada tahun 1759 oleh orang (iii) _____
dari Sumatera. Pelabuhan ini dikunjungi oleh pedagang
(iv) _____.

Kesultanan Johor Riau
Lingga
Temenggung Abdul Rahman
Kesultanan Melayu Melaka
Portugis
Belanda
negeri-negeri Melayu
Kesultanan Kedah
Batu Uban
Melayu
Arab

(b)



Merupakan lokasi sebuah kerajaan yang gemilang, iaitu
(i) _____. Namun pada tahun 1511, Melaka
telah ditawan oleh (ii) _____ dan kemudian
menjadi tanah jajahan (iii) _____
(1641–1824). Dalam tempoh tersebut, Melaka menjadi pusat
pengumpulan bijih timah dari (iv) _____.

Merupakan wilayah kekuasaan (i) _____.
Sejak abad ke-16 hingga ke-19, kawasan
kekuasaannya merangkumi Pahang, Johor dan
gugusan kepulauan Riau Lingga. Pemerintah
kesultanan ini, iaitu Sultan Abdul Rahman bersemayam
di (ii) _____. (iii) _____
pula mentadbir Johor, Singapura dan Kepulauan Riau.
Beliau tinggal di Singapura.

(c)



2 Nyatakan keistimewaan wilayah berikut hingga menarik minat British untuk menguasainya.

TP 2	Wilayah	Keistimewaan yang Dapat Memenuhi Keperluan British
	Pulau Pinang	(a) _____ (b) _____ (c) _____
	Singapura	(d) _____ (e) _____
	Melaka	(f) _____

3 Persengketaan dan ancaman luar yang dihadapi Kesultanan Kedah telah memberi peluang kepada British untuk membuat muslihat bagi mendapatkan Pulau Pinang.

- TP
4
- (a) Jelaskan masalah yang dihadapi Kesultanan Kedah pada ketika itu.
- (i) Perebutan takhta
- _____
- (ii) Ancaman Siam
- _____
- (b) Bagaimanakah Francis Light menggunakan peluang tersebut untuk menduduki Pulau Pinang?
- _____
- (c) Apakah tindakan sultan Kedah setelah menyedari muslihat Francis Light tersebut?
- _____
- (d) Nyatakan iktibar yang dapat diambil daripada peristiwa ini bagi memastikan kedaulatan negara terus terpelihara.
- KBAT
- _____
- _____

4 Tandakan (✓) pada maklumat yang betul berkaitan dengan pengambilan Seberang Perai oleh British.



- (a) British memperoleh Seberang Perai daripada Sultan Dhiauddin sebagai hadiah kerana membantu Kedah daripada ancaman Siam ☐
- (b) Seberang Perai diperlukan oleh British untuk dijadikan benteng pertahanan dan kawasan pertanian ☐
- (c) Seberang Perai dinamakan oleh penjajah British sebagai *Province of Wellesley* ☐
- (d) Sultan Dhiauddin telah didesak oleh George Leith supaya menandatangani perjanjian bagi menyerahkan Seberang Perai kepada British ☐